

Cadangan 2019

Jangan lupakan keramahtamahan

“Jangan kamu lupa memberi tumpangan kepada orang, sebah dengan berbuat demikian beberapa orang dengan tidak diketahuinya telah menjamu malaikat-malaikat (Ibrani 13:2)

Penziarahan imam, perjumpaan pewarisan yang tidak diganggu oleh kaum muda di mana telah bermula di Taize sejak beberapa dekad lalu, masih diteruskan sehingga hari ini di semua benua.

Pada setiap perjumpaan ini, salah satu pengalaman yang paling diingati adalah ramahtamah bagi peserta muda dan sesiapa yang membuka pintu untuk mereka.

Pada bulan Ogos 2018, sekali lagi kami mendapat ramahtamah di Hong Kong semasa perjumpaan kaum muda dari negara di Asia dan di luar termasuk negara-negara yang mengalami konflik dan masih menerima kesan daripada kelukaan sejarah negara yang memerlukan penyembuhan.

700 peserta datang dari pelbagai wilayah di China. Kehadiran golongan muda dari pelbagai negara dan keluarga yang menerima mereka di Hong Kong merupakan suatu harapan.

Golongan muda Kristian di Asia biasanya yang hadir adalah dalam kumpulan minor yang masih mengalami perubahan pesat. Mereka mencuba untuk mencari kekuatan dalam kepercayaan dalam Kristus dan hidup sebagai umat gereja.

Semenjak perjumpaan di Madrid, Eropah, sepanjang tahun 2019, di Taize, Beirut, Cape Town dan di tempat lain, beberapa aspek ramahtamah akan kami tumpukan secara terperinci.

Cadangan-cadangan berikut adalah berdasarkan dari kepercayaan; kami memperlawakan umat Kristian untuk menemui ramahtamah dari Tuhan. Ini mendorong kami untuk berserah kepada Tuhan. Tuhan mengakukan semua orang.

Kami tahu yang pengalaman ramahtamah bukan sahaja melibatkan umat Kristian daripada pelbagai denominasi, tetapi orang yang dari iman yang lain dan orang yang tidak mempunyai agama.

Di dalam belunggu kesusahan, apabila ketidakpercayaan berleluasa, adakah kita mempunyai keberanian, bersama-sama, untuk hidup secara ramahtamah dan membenarkan kepercayaan untuk berkembang?

Cadangan Pertama – Menemui Punca Ramahtamah di Dalam Tuhan

Bermulanya ciptaan alam semesta, Tuhan telah bekerja secara misteri. Sabitan ini terpaut di dalam jiwa seorang penyajak dalam menceritakan permualannya ciptaan dari alkitab. Tuhan merenung ciptaannya adalah baik. Seluruh alam semesta dicintai sedalamnya oleh Tuhan.

Kadang kala kita tidak memahami Tuhan sedalamnya namun kita yakin yang Tuhan mengharapkan kebahagiaan kita dan mengalu-alukan kita semua tanpa sebarang syarat. Tuhan adalah punca ramahtamah.

Tambahan pula, melalui Kristus, melalui satu tahap di mana Tuhan sendiri menjadi salah seorang di kalangan kita, untuk menarik kemanusiaan di dalam dirinya dan mengalu-alukan kita. Ramahtamah Tuhan ini yang diajukan kepada kita menyentuh kerohanian kita: melimpah dan mengalir ke semua manusia.

- Apabila kita berhadapan dengan bahaya, adakah kita dibelenggu kekecewaan? Untuk membuatkan harapan kita sentiasa hidup, marilah kita menerima roh ingin tahu dan melihat sekeliling kita yang dapat kita kagumi.
- Diri sendiri ataupun bersama-sama dengan yang lain, marilah kita membaca alkitab , bermula dari Injil yang menceritakan kisah kehidupan Yesus. Kita mungkin tidak faham sekaligus, kadang kala kita akan perlu untuk mencari lebih lagi. Pergi bersama-sama terhadap alkitab sebagai airmata kehidupan dapat membantu kita untuk terus mempercayai Tuhan.

Dia pun kembali kepada bapanya. Semasa dia masih jauh lagi, bapanya nampak dia. Hatinya penuh dengan belas kasihan dan dia berlari menemuinya. Bapanya memeluk dan menciumnya (Lukas 15:20).

Apakah perumpamaan yang dapat kita cari di Lukas 15:32 mengajar saya tentang keramahtamahan Tuhan?

Cadangan kedua – Peka kepada terhadap kehadiran Kristus

Tuhan memberikan kita ramahtamah, namun kita bebas untuk memilih samaada perhubungan menjadi kenyataan bersama Dia.

Kristus menunjukkan kita cinta Tuhan dan menawarkan persahabatan. Dengan rendah hati, Kristus berdiri di depan pintu sambil mengetuk. Seperti orang miskin, Tuhan mengharapkan dan menunggu pulangan ramahtamah dari kita. Apabila sesiapa sahaja membuka pintunya, Dia akan masuk.

Dengan doa yang ringkas, kita memberi laluan Dia untuk masuk ke hati kita. Walaupun kita susah untuk menyendari kehadirannya, Kristus tetap datang di sisi kita.

- Sembahyang di dalam gereja, walaupun sekejap, tetapkan masa pada waktu petang atau pagi, tanpa menghiraukan tujuan kita yang lain, selain dari menyerahkan hari kita kepada Tuhan – inilah perkara-perkara yang akan meningkat dari masa ke masa. Mengingati kehadiran Kristus dapat membebaskan kita dari perasaan takut – takut kepada orang lain, takut untuk tidak menjadi yang terbaik, bimbang tentang benda yang tidak pasti terhadap masa depan.
- Apabila kita tidak mempunyai masa yang cukup, kita boleh bercakap dengan Kristus tentang diri sendiri dan orang lain – walaupun dekat atau jauh – dalam beberapa kata, macam berbisik. Kita boleh memberitahu apa yang di dalam jiwa kita dan apa yang kita tidak faham. Dalam beberapa perkataan di dalam Alkitab juga boleh diingati sepanjang hari.

Lihatlah, Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk, jika seseorang mendengar suara-Ku dan membukakan pintu, Aku akan masuk kepadanya dan Aku akan makan bersama dia dan dia bersama-Ku (Wahyu 3:20).

**Apa yang membantu aku untuk mendengar Kristus?
Apa ertinya untuk aku membuak pintu untuk Nya?**

Cadangan ketiga – Menerima bakat dan had kita juga

Tuhan mengalu-alukan semua dalam diri kita; oleh itu, kita dapat menerima diri sendiri seadanya. Inilah permulaan untuk penyembuhan yang perlu untuk kita semua.

Marilah kita memuji Tuhan dengan bakat kita. Kita juga perlu menerima kelemahan kita sebagai pintu untuk Tuhan masuk ke dalam jiwa kita. Untuk memimpin kita lebih lanjut, untuk menolong kita mengubah cara hidup, pertama sekali Tuhan mengalu-alukan kita kepada diri sendiri.

Menerima had kita tidak semestinya kita pasif untuk menghadap ketidakadilan, keganasan dan eksploitasi kemanusiaan. Sebaliknya, menerima seadanya had kita dapat meningkatkan kekuatan terhadap perjuangan kita dengan hati yang damai.

Roh kudus, bersemadi dengan kita, akan merubah semua luar dan dalaman kita yang menentang kita untuk hidup.

- Untuk memastikan bakat dan menerima had kita, marilah kita mencari orang yang dapat dipercayai yang dapat mendengar rungutan kita dengan baik, seseorang yang dapat membantu untuk hidup dan juga iman.
- Adalah perlu untuk memberi ruang untuk pujian dalam doa kita. Ia mengukuhkan kewujudan kita. Menyanyi bersama-sama tidak dapat diganti dan lepas itu, ia akan selalu bergema di hati kita.

Marilah kepada-Ku, semua yang letih lesu dan berbeban berat, Aku akan memberi kelegaan kepadamu. Pikullah kuk yang Ku pasang dan belajarlah pada-Ku, kerana Aku lemah lembut dan rendah hati dan jiwamu akan dapat ketenangan. Sebab kuk yang Ku pasang itu enak dan beban-Ku pun ringan (Matius 11:28-30).

Apakah bebanan dan apakah rehat yang Yesus katakan?

Apakah yang saya pelajari dari Nya?

Cadangan keempat – Mencari persahabatan di dalam Gereja

Untuk berkongsi kepercayaan kita terhadap Tuhan dengan orang lain, kita memerlukan tempat di mana kita tidak sahaja bertemu dengan kawan-kawan yang kita betul-betul kenal, malah persahabatan yang besar untuk masukan orang yang berbeza dari kita.

Paroki dan komuniti tempatan membawa bersama-sama pelbagai generasi dan orang yang berlatar belakangkan sosial dan budaya yang pelbagai. Kita memperoleh harta dari persahabatan, di mana kadang kala tidak begitu di cari di mana ia perlu untuk digunakan secara baik.

Jikalau setiap gereja tempatan menerima keluarga, di mana kita dapat menjadi diri sendiri, tanpa rasa ragu dan soalan kita, tanpa takut untuk dihakimi...

Gereja dijumpai dimana-mana sahaja tiupan angin oleh roh kudus, dimana persahabatan oleh Kristus menyinari keluar. Di sesetengah negara di Selatan, terdapt komuniti Kristian kecil di mana membuat komitmen secara jauh menjangkau untuk yang lain, dalam kejiranan ataupun kampung mereka. Bolehkah mereka menjadi punca untuk inspirasi di negara luar?

- Ia adalah bagus untuk berjumpa selalu dalam kumpulan kecil untuk berdoa dan berkongsi, tetapi benarkan kami untuk menyokong kehidupan komuniti Kristian yang lebih besar yang telah wujud di bandar dan di kampung. Dapatkah kumpulan kecil kita lebih prihatin, contohnya, untuk turun berdoa pada hari Ahad tetapi tidak mengenali orang di sana?
- Kristus mahu mengumpul semua dalam satu persekutuan sesiapa yang menyintai dan mengikut Dia, di luar gabunagn denominasi. Perkongsian ramahtamah adalah jalan untuk bersatu. Tidak dapatkah kita menjemput orang di sekeliling kita untuk menceritakan kepercayaan yang berbeza untuk berdoa bersama dengan kita lebih kerap daripada yang kita sudah lakukan?

Dan dekat salib Yesus berdiri ibu-Nya dan saudara ibu-Nya, Maria, isteri Klopas dan Maria Magdalena. Ketika Yesus melihat ibu-Nya dan murid yang dikasihi-Nya di sampingnya, berkatalah Ia kepada ibu-Nya: "Ibu, inilah, anakmu!". Kemudian kata-Nya kepada murid-murid-Nya: "Inilah ibumu!" Dan sejak saat itu murid itu menerima dia di dalam rumahnya (Yohanes 19:25-27).

Di bawah kaki salib, sebuah keluarga baru ditubuhkan oleh Yeus sendiri. Bagaimana kita dapat hidup pada waktu sekarang sebagai umatnya?

Cadangan kelima – Mejalani ramahtamah dengan murah hati

Ramahtamah Tuhan kepada kita adalah suatu rayuan. Dapatkah kita menerima orang lain, tidak sebagai yang kita mahu, tetapi sebagaimana mereka? Bolehkah kita membiarkan diri kita untuk menerima mereka sebagai mereka sendiri dan bukan sebagai kita?

- Marilah kita menjadi seorang yang menerima, mengambil masa untuk mendengar orang lain, menjemput mereka untuk makan, mendekati diri dengan orang miskin, bercakap dengan menggunakan kata-kata yang baik dengan orang yang kita jumpa?
- Dalam menghadapi cabaran besar yang membingungkan oleh penghijrahan, marilah kita mencari jalan dimana ramahtamah boleh menjadi peluang, bukan sahaja untuk yang sudah diterima tetapi orang yang belum diterima juga. Pertemuan antara orang-kepada-orang adalah amat diperlukan – kita dapat mendengar – contohnya, cerita sebagai seorang penghijrah ataupun seorang pelarian. Perjumpaan daripada orang yang datang dari tempat lain dapat membantu kita juga untuk memahami asal kita dengan lebih baik dan mendalami identiti kita.
- Kita perlu menjaga dengan baik dunia ini. Planet yang luar biasa ini adalah tempat tinggal kita. Marilah menjaga ramahtamah, juga untuk generasi masa depan. Adalah penting untuk meninjau kehidupan kita, cuba untuk menghentikan eksploitasi yang tidak masuk akal terhadap sumber-sumber dan menentang pelbagai cara pencemaran dan penurunan biodiversiti. Apabila kita bersatu dengan semua ciptaan, kita menemui kegembiraan hasil daripada ini.

Dan Raja itu akan menjawab mereka: Aku berkata kepadamu, sesungguhnya segala sesuatu yang kamu lakukan untuk salah seorang dari saudara-Ku yang paling hina ini, kamu telah melakukannya untuk Aku (Matius 25.40).

Dalam segala sesuatu telah Ku berikan contoh kepada kamu, bahawa dengan bekerja demikian kita harus membantu orang-orang yang lemah dan harus mengingat perkataan Tuhan Yesus, sebab Ia sendiri telah mengatakan: Adalah lebih berbahagia memberi daripada menerima." (Kisah Para Rasul 20:35)

Bilakah saya pernah mengalami perasan gembira? Adakah saya peka yang saya juga perlu untuk menerima sesuatu daripada orang lain?